

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR DR. LINGESHWARAN A/L DATO'
SERI R. ARUNASALAM**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah prestasi perkhidmatan feri di Pulau Pinang selepas feri warisan digantikan dan mengapa terdapat penurunan ketara dari segi pengguna motosikal berbanding tahun 2018 serta bagaimanakah sambutan untuk Pas Mutiara My50.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Prestasi Perkhidmatan Feri Dari 2021 Hingga 2024

1. Feri warisan telah dihentikan perkhidmatan mulai 1 Januari 2021. Mulai tarikh tersebut, bot laju telah disediakan untuk membawa penumpang pejalan kaki sahaja, manakala *feri roll on roll off* (RoRo) disediakan untuk membawa basikal dan motosikal.
2. Mulai 1 Januari 2023, operasi feri roro diberhentikan untuk memberi laluan kepada kerja-kerja pengubahsuaian dan penaiktarafan di Pangkalan Sultan Abdul Halim (Seberang Perai) dan Pangkalan Raja Tun Uda (George Town).
3. Kemudian, mulai 7 Ogos 2023 empat (4) feri baharu iaitu Teluk Bahang, Teluk Kampi, Teluk Duyung dan Teluk Kumbar mula beroperasi menggantikan bot laju.
4. Untuk makluman Yang Berhormat, *ridership* perkhidmatan feri bagi tempoh Januari hingga Oktober 2024 mencatatkan 1.76 juta penumpang pejalan kaki berbanding dengan 1.59 juta penumpang pejalan kaki untuk seluruh tahun 2023.
5. Statistik trafik perkhidmatan feri bagi tempoh dari 2021 hingga 2024 adalah seperti berikut:

Tahun	Penumpang Pejalan Kaki
2021	357,908
2022	930,382
2023	1,592,972
Jan-Okt 2024	1,757,921

Faktor Penurunan Pengguna Feri bagi Kategori Motosikal Berbanding 2018

6. Berhubung pengguna feri bagi kategori motosikal, jumlah yang dicatatkan pada 2018 ialah 835,322 unit. Untuk lima (5) tahun yang berikutnya sehingga 2023, jumlah pengguna feri tahunan bagi kategori ini masih belum melebihi prestasi pada 2018.

7. Penurunan ini berkait dengan pemansuhan bayaran tol di kedua-dua Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang bermula sejak 1 Januari 2019.

8. Walau bagaimanapun, sukacita saya maklumkan bahawa jumlah pengguna feri bagi kategori motosikal untuk tahun ini iaitu setakat Oktober 2024, telah mencapai 606,976 unit yang juga merupakan rekod terbaik sejak 2020.

9. Statistik tentang pengguna feri bagi **kategori motosikal**, untuk tempoh dari 2017 hingga 2024 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Pengguna (Motosikal)
2017	847,042
2018	835,322
2019	765,725
2020	418,326
2021	302,423
2022	359,972
2023	303,789
Jan-Okt 2024	606,976

Sambutan untuk Pas Mutiara

Tuan Yang di-Pertua,

6. Sejak pelancaran Pas Bulanan Tanpa Had, Pas Mutiara di Pulau Pinang pada 1 September 2019, inisiatif ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada pengguna.

7. Berdasarkan rekod, purata pengguna Pas Mutiara pada 2019 ialah 4,311 orang sebulan. Untuk tahun ini, purata pengguna Pas Mutiara telah mencatat 18,482 orang sebulan, iaitu peningkatan lebih empat kali ganda berbanding sewaktu Pas Mutiara baru diperkenalkan.

Sekian, terima kasih.